

14 AUG 2001

Aziz-Kontrak

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TERUSKAN CADANGAN GURU TANDATANGANI KONTRAK

Oleh: Mohd Haikal Isa

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan tetap meneruskan cadangannya bagi mewajibkan guru menandatangani kontrak supaya lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas walaupun menerima bantahan dan kritikan daripada pelbagai pihak.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin berkata guru yang tidak bersetuju dan enggan menandatangani kontrak itu boleh berhenti daripada menjadi seorang guru.

"Kita akan meneruskan cadangan itu juga. Kalau ianya diterima, ia (cadangan tandatangani kontrak) juga akan menjamin keselamatan negara," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini hari ini.

Aziz berkata kontrak perjanjian itu akan memastikan guru sentiasa taat setia kepada kerajaan dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas perguruan mereka.

"Mana-mana (guru) tidak bersetuju, boleh berhenti," katanya dan menambah, kebanyakan daripada 284,000 guru yang berkhidmat dengan kerajaan di seluruh negara pada masa ini merupakan golongan yang setia kepada kerajaan.

Akhbar tempatan semalam melaporkan Aziz sebagai berkata bahawa kementerian bercadang mewajibkan guru sekolah menandatangani kontrak bagi memastikan mereka lebih bertanggungjawab dalam tugas mendidik pelajar.

Katanya cadangan itu akan dilaksanakan serentak dengan perjanjian ke atas pelajar dan pensyarah universiti tahun depan sekiranya perbincangan dengan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad mencapai persetujuan.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) membantah cadangan itu kerana berpendapat kontrak terbabit tidak perlu memandangkan guru sudah menandatangani pelbagai kontrak semasa di Maktab Perguruan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan (SPP).

Tokoh pendidik Tan Sri Ainuddin Wahid yang dipetik oleh akhbar hari ini pula berkata cadangan kementerian itu kurang bijak kerana hanya sejumlah kecil guru yang melanggar kod etika perguruan.

Aziz berkata cadangan itu membabitkan kepentingan negara dan masyarakat walaupun ia menerima bantahan daripada pelbagai pihak yang tidak bersetuju dengan pelaksanaannya.

"Mungkin (cadangan) itu agak keras, tetapi rakyat yang akan untung (hasil pelaksanaan cadangan itu). Ia juga bukan untuk menekan sesiapa ... cadangan itu juga selaras dengan kehendak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad".

"Kita jangan takut pada kritikan," kata Aziz.

Aziz berkata tanpa kontrak berkenaan, Kementerian Pendidikan tidak boleh bertindak ke atas guru dan keadaan ini membenarkan mereka menjalankan kegiatan yang tidak bertanggungjawab tanpa sebarang halangan.

"Sekarang ini mereka (guru-guru yang tidak bertanggungjawab) boleh berbuat apa sahaja," katanya.

Guru yang tidak takut kepada undang-undang, katanya merupakan mereka yang tidak layak memegang jawatan sebagai seorang guru.

Perdana Menteri baru-baru ini, mengumumkan kerajaan akan merangka perjanjian yang lebih jelas dengan pelajar dan pensyarah universiti untuk memastikan kesungguhan mereka dalam menyampaikan ilmu.

Sebelum ini terdapat beberapa kejadian guru dan pensyarah menyelitkan unsur politik seperti mengutuk kerajaan, dalam pengajaran mereka.

-- BERNAMA

MHI KHY LAT